

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	I-Bhd, Huawei jalin kerjasama strategik	Berita Harian
2.	ITEX: UniSZA cemerlang	Berita Harian
3.	Cuaca buruk semasa air pasang besar punca bah besar - Pakar	BERNAMA
4.	Angin kencang, laut bergelora di Phuket - MetMalaysia	BERNAMA
5.	Empat negeri berisiko banjir	Berita Harian

I-Bhd, Huawei jalin kerjasama strategik

➔ Tumpu naik taraf infrastruktur rangkaian bandar pintar i-City

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bh.com.my

I-Bhd, pemaju perbandaran pintar i-City, memeterai perjanjian kerjasama strategik dengan syarikat teknologi maklumat (IT), Huawei bagi melaksanakan konsep kediaman yang dilengkapi internet kebendaan (IoT).

Kediaman itu yang dikenali sebagai Converse@i-City, terletak di atas Hotel Double Tree by Hilton di perbandaran i-City.

Timbalan Pengerusi I-Bhd, Datuk Eu Hong Chew, berkata kediaman mewah Converse@i-City itu disasarkan untuk dilancarkan pada awal 2017.

Konsep bandar pintar

"Converse@i-City juga akan menampilkan fasa berikutnya konsep bandar pintar i-City yang mana unit kediaman akan dilengkapi IoT," katanya pada majlis perjanjian kerjasama strategik I-Bhd dan Huawei di Shah Alam, kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau; Pengerusi Eksekutif I-Berhad, Tan Sri Lim Kim Hong dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei, Lim Cheesiong.


Kerjasama strategik I-Bhd dan Huawei selama lima tahun akan memberi tumpuan kepada tiga bidang iaitu menaik taraf infrastruktur sambungan daripada berwayar sehingga rangkaian

tanpa wayar.

Kedua, ia akan mempunyai penyelesaian bandar pintar seperti lampu jalan, pengurusan lalu lintas serta parkir, dan terakhir membina kediaman dengan ketersediaan ICT dengan rangkaian rumah.

Dalam perkembangan berkaitan, Hong Chew berkata, berikutan i-City sudah mempunyai infrastruktur internet kelajuan tinggi berwayar, pihaknya percaya penambahbaikan kawasan akan datang adalah menaik taraf infrastruktur terbabit.

Katanya, ini adalah untuk beroperasi dalam kedua-dua persekitaran iaitu berwayar dan tanpa



Madius (tengah), Kim Hong (dua dari kiri) dan Timbalan Presiden Perniagaan Kumpulan Huawei Technologies Malaysia, Jack Jiang Hong (dua dari kanan) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Hong Chew (kiri) bersama Cheesiong pada majlis perjanjian kerjasama strategik I-Bhd dan Huawei di Shah Alam.

Info

Kerjasama strategik I-Bhd & Huawei

- ➔ Menaik taraf infrastruktur sambungan
- ➔ Penyelesaian bandar pintar
- ➔ Bina kediaman dengan ketersediaan ICT

wayar di dalam kediaman serta dalam kawasan i-City.

"Kediaman pintar berasaskan IoT akan bergantung kepada rangkaian digital kukuh dalam rumah. Sebab itu, kita lebih menekankan kepada menyediakan infrastruktur rangkaian sebagai sebahagian daripada infrastruktur utiliti rumah dalam fasa i-City seterusnya," katanya.

Sementara itu, Cheesiong berkata, sebagai peneraju global pembekal penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi, visi mereka adalah untuk meningkat dan memperkayakan gaya hidup orang ramai menerusi kemajuan teknologinya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI INOVASI) : MUKA SURAT V4
TARIKH : 22 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS)

ITEX: UniSZA cemerlang

Kuala Lumpur: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mencatat pencapaian membanggakan apabila kesemua penyertaannya pada Pameran Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2016 berjaya meraih pingat.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) UniSZA, Prof Madya Dr Saiful Bahri Mohamed, berkata universiti itu mengetengahkan 13 produk yang membolot lapan pingat emas, empat

perak dan satu gangsa.

"Kemenangan ini lebih bermakna apabila produk Structure Analysis of 3 - Axis CNC Milling Machine ciptaan Zammeri Abd Rahman dan pasukan beliau dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) turut menerima anugerah khas The JIPA Award for the Best Invention in Design.

Kejayaan besar

"Ini adalah satu kejayaan besar UniSZA dengan pen-

capaian pingat tahun ini lebih baik daripada tahun sebelumnya," katanya.

Pameran selama tiga hari itu dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau.


Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UniSZA, Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman, dan Timbalan Pengarah Inovasi CRIM, Dr Zarina Mohamad.



Penyelidik UniSZA mencatat pencapaian membanggakan pada ITEX 2016.



Cuaca Buruk Semasa Air Pasang Besar Punca Bah Besar - Pakar



Oleh Erda Khursyiah Basir

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Fenomena air pasang besar yang melanda kawasan pantai barat Semenanjung awal minggu ini dan menyebabkan banjir di beberapa tempat mengejutkan banyak pihak.

Dalam laporan hari ini, Jabatan Pengairan dan Saliran mengeluarkan amaran bahawa air pasang dengan ketinggian lebih lima meter akan berulang pada bulan depan.

Memandangkan air pasang besar, yang turut dikenali sebagai 'king tides' atau 'spring tides' boleh diramal, kemungkinan pihak berkuasa yang berkaitan boleh memantau perkembangan fenomena air pasang dan memberikan amaran awal kepada penduduk untuk bersedia menghadapi kemungkinan air pasang besar luar biasa dan menyebabkan banjir.

RAMALAN

Ketua Makmal Oseanografi Fizikal Dan Geologi Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Madya Dr Mohd Fadzil Mohd Akhir berkata meskipun Jabatan Meteorologi boleh meramal fenomena air pasang besar namun kejadian baru-baru ini adalah ekoran cuaca buruk luar jangkaan.

"Fenomena air pasang besar memang boleh diramal, malahan berlaku setiap tahun cuma yang menyebabkan air melimpah baru-baru ini adalah faktor cuaca buruk dengan angin kuat dan hujan yang berlaku serentak. Angin memainkan peranan kerana apabila bertiup kuat ia menyebabkan laut bergelora dan air melimpah (ke kawasan daratan)," jelas beliau.

Mohd Fadzil berkata fenomena air pasang besar yang berlaku di Pantai Barat ini sebenarnya membuka mata pihak berkuasa berkaitan dan menjadikan mereka lebih berjaga-jaga dan bersiapsiaga menghadapi kemungkinan bencana yang boleh tercetus semasa air pasang besar dan cuaca yang tidak menentu.

Beliau berkata fenomena air pasang besar turut berlaku di negara lain seperti Vietnam dan Indonesia serta China, yang mempunyai 'tidal bore' atau dikenali sebagai benak, menjadi tarikan orang ramai yang menunggu untuk melihat fenomena itu berlaku. ('Tidal bore' adalah fenomena ombak sungai yang berlaku apabila arus pasang laut mencipta gelombang air yang bergerak di sepanjang sungai atau teluk sempit menyebabkan aliran air melawan arus sungai.)

"Ini bermaksud di China, mereka boleh meramal kejadian itu. Cuma, mungkin faktor kurang kesedaran kita (Malaysia) yang menyebabkan kita tidak menjangka perkara itu akan berlaku (lebih buruk). Sebenarnya perkara ini selalu berlaku di negara-negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Statistik terkini menunjukkan berlaku peningkatan 'Tidal Flooding' sejak 10 tahun kebelakangan ini," katanya kepada Bernama.

TARIKAN GRAVITI BULAN

Menurut laporan Bernama, Seramai 1,089 penduduk dari beberapa kawasan yang terjejas ekoran fenomena air pasang besar ditempatkan di beberapa pusat pemindahan semalam.

Semalam, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata angin barat daya dengan kelajuan 40-50 kmsj dengan ombak besar mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter (11 kaki) dijangka berlaku di kawasan perairan Phuket, iaitu kawasan barat laut Semenanjung Malaysia sehingga hari ini.

Beliau berkata tiga fenomena alam iaitu angin kencang dan ribut petir; ombak kuat serta fenomena air pasang besar menyebabkan kawasan rendah berhampiran pantai ditenggelami air.

Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata fenomena air pasang besar yang berlaku ini dipengaruhi oleh angin kencang barat daya, menjadikannya lebih buruk.

Beliau menjelaskan fenomena air pasang besar yang berlaku berkait dengan kitaran 'spring tide', lazimnya berlaku ketika fasa bulan penuh dan juga bulan baharu.

"Fenomena ini sebenarnya berkait dengan tarikan graviti bulan dan kita juga baru memasuki fasa bulan penuh. Cuma kali ini faktor angin kencang barat daya di laut kemungkinan besar mempengaruhi keadaan ini untuk menjadi lebih buruk (sehingga mengakibatkan banjir)," katanya.

Mengulas lanjut Azizan berkata, fenomena air pasang besar yang lebih besar dan teruk dikenali sebagai 'King Tide' berlaku apabila tarikan graviti bulan dan matahari selari dengan kedudukan bumi.

"Kejadian ini akan membawa kepada air pasang besar lebih teruk, sekali gus mengakibatkan paras air naik dan bah besar seperti yang berlaku di Terengganu dan Sarawak sebelum ini," katanya.

Azizan turut menyentuh tentang kitaran 'diurnal tide' (pasang surut air 24 jam) dan 'semidiurnal tide' (pasang surut air 12 jam).

Beliau berkata 'diurnal tide' akan menyebabkan julat air pasang surut yang tinggi seperti banjir besar yang berlaku pada Disember 2014, menyaksikan beberapa negeri Pantai Timur dilanda banjir paling buruk.

('Diurnal tide' (pasang surut air 24 jam) berlaku pada Jun dan Disember semasa 'solstis' (penerimaan waktu siang dan malam yang tidak sama panjang di permukaan bumi) manakala 'semidiurnal tide', berlaku pada Mac dan September semasa 'ekuinoks' (seluruh permukaan bumi menerima waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu masing-masing 12).

Memandangkan fenomena air pasang boleh diramal, Azizan menyarankan orang ramai melayari www.tide-forecast.com untuk mendapatkan maklumat berkaitan fenomena air pasang besar.


Di Sarawak, laman sesawang Jabatan Pengairan dan Saliran negeri menyediakan maklumat tentang air pasang besar (seperti tarikh, masa dan ramalan aras air pasang) yang diramal berlaku sepanjang tahun.

Maklumat berkenaan diperolehi daripada Almanak Kerajaan Sarawak (kalendar tahunan yang mengandungi tarikh penting dan maklumat perangkaan seperti data astronomi dan jadual air pasang), berdasarkan kepada maklumat yang disalurkan Jabatan Marin Sarawak.

-- BERNAMA



Angin Kencang, Laut Bergelora Di Phuket - Metmalaysia



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Angin kencang barat daya berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di perairan Phuket sehingga hari Rabu.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataannya berkata keadaan itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA

Empat negeri berisiko banjir

➔ Fenomena air pasang besar luar biasa dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Empat negeri di Pantai Barat Semenanjung iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah berisiko mengalami banjir besar berikutan fenomena air pasang besar luar biasa yang dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan.

Di **Selangor**, paras air akibat fenomena itu dijangka meningkat sehingga 5.7 meter, manakala paras air pasang besar di Perak, Pulau Pinang dan Kedah pada bulan depan dijangka melebihi 3.5 meter.

Sabtu lalu, pasang air laut di perairan Selangor yang mencecah 5.6 meter menyebabkan banjir di beberapa kawasan dan kerosakan harta benda selepas air laut yang meningkat memecahkan ban dibina pada keting-

gian 5.5 meter.

Dalam pada itu, **Jabatan Meteorologi Malaysia** juga meramalkan hujan lebat bermula hujung bulan ini dan Oktober, disusuli hujan berterusan sehingga Disember akan memburukkan keadaan di keempat-empat negeri berkenaan, khususnya Selangor.

Peningkatan paras air laut

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Fredolin Tangang, berkata biarpun musim hujan dan fenomena air pasang besar adalah dua situasi berbeza, namun jika berlaku pada waktu sama, ia akan menyumbang kepada peningkatan mendadak paras air laut.

Beliau berkata, fenomena air pasang besar yang disebabkan fasa bulan purnama akan berlaku apabila matahari, bulan dan bumi berada di kedudukan selari dengan jangkaan keadaan luar biasa itu berlaku pada

minggu ketiga Oktober.

"Pada kedudukan selari ini, jika bulan berada di titik perigee (iaitu berada pada titik paling dekat dengan bumi) yang berpusing dalam orbit bujurnya, maka fenomena ini akan berlaku kerana ketika ini tahap graviti akan meningkat secara mendadak.

"Biasanya ia (bulan di titik perigee) berlaku tiga atau empat kali setahun iaitu pada April hingga Mei atau September hingga Oktober setiap tahun iaitu ketika musim hujan, tetapi kali ini fenomena itu dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan," katanya.

"Cuma dari segi impaknya akan menjadi lebih besar jika berlaku pada musim hujan yang menyaksikan peningkatan air mendadak sehingga melimpah ke daratan dan mengundang banjir," katanya.